



**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

## **KENYATAAN MEDIA**

### **PENAFIAN PENGANJURAN SIDANG MEDIA KHAS DEKLARASI PROFESOR MELAYU G70 BERKAITAN KPT**

---

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengambil maklum berkenaan hebahan poster penganjuran sidang media khas Deklarasi Profesor Melayu G70 berhubung dengan Seruan Kepada Rakyat Malaysia Bersempena PRU-15, yang diadakan pada hari ini.

Kementerian ingin menegaskan bahawa sidang media ini tidak mempunyai sebarang kaitan dengan KPT. Kumpulan ini juga bukanlah representasi rasmi daripada kakitangan akademik ataupun profesor daripada IPT. Apa-apa pendirian yang diutarakan oleh G70 dalam seruan ini juga tidak ada hubungan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan KPT.

KPT menghormati hak dan kebebasan bersuara oleh setiap individu dan para akademik. Walau bagaimanapun, bagi yang masih berkhidmat sebagai penjawat awam, setiap tindakan mereka masih tertakluk kepada pematuhan peraturan dan peruntukan undang-undang sedia ada.

Masyarakat umum dimohon agar sentiasa merujuk kepada pengumuman rasmi KPT menerusi saluran sah yang ditadbir oleh Kementerian. Orang ramai juga hendaklah tidak sewenang-wenangnya mempercayai sebarang deklarasasi atau pernyataan oleh mana-mana kumpulan yang mendakwa mereka mewakili suara warga pengajian tinggi di negara ini.

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**16 November 2022**